

Tonjolkan kepentingan ikut perspektif Islam

UM 14 OCT 2003

PUTRAJAYA 13 Okt. — Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu mengikut peredaran semasa dengan berubah dari sikap retorik seperti amalan sebelum ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, OIC yang lebih retorik dengan hanya mengeluarkan resolusi semata-mata, perlu berubah dengan mula menonjolkan kepentingan-kepentingan mengikut perspektif Islam.

“Malaysia percaya bahawa kita perlu berubah daripada hanya bersikap retorik sahaja seperti hanya mengeluarkan resolusi-resolusi sahaja,” katanya ketika menyampaikan ucapan pembukaan Mesyuarat Peringkat Menteri Sidang Kemuncak ke-10 OIC di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini hari ini.

Beliau sebelum itu menerima penyerahan tugas mengengerusikan mesyuarat daripada Menteri Luar Qatar, Sheikh Hamad Jassim Jabr al-Thani, selaras dengan giliran Malaysia sebagai Pengerusi OIC untuk tempoh tiga tahun akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengengerusikan sidang kemuncak itu Khamis ini.

Sidang kemuncak bertemakan ‘Ilmu Pengetahuan dan Akhlak Asas Kejayaan Ummah’ itu adalah pertama kali diadakan di rantau Asia Pasifik sejak penubuhan OIC pada tahun 1969.

Menurut Syed Hamid, OIC yang mewakili 57 negara seharusnya sentiasa bekerjasama serta berusaha ke arah penstrukturan semula OIC dengan meningkatkan keberkesanan sekretariatnya.

Katanya, perhimpunan OIC yang sedang berlangsung ketika ini mendapat perhatian seluruh dunia yang mahu mengetahui apakah tindakan-tindakan yang bakal diambil bagi mengembalikan keamanan dan kedamaian demi keselamatan dunia.

Beliau berkata, Malaysia yakin menerusi hala tuju yang lebih jelas dan kerjasama semua anggota, OIC mampu menjadikan umat Islam mampu berdepan dengan cabaran-cabaran dunia.

Ketika ini, katanya, umat Islam berdepan dengan pelbagai cabaran getir termasuk ancaman unilateralisme, globalisasi dan keganasan selain daripada masalah keselamatan di Asia Barat dan keadaan tidak menentu di Iraq.